

# Tjada siapa boleh paksa orang berhenti - Mahathir

U.M. 17 SEP 1993

KUALA LUMPUR 16 Sept. — Presiden UMNO, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sesiapa-pun tidak harus memaksa seseorang turun daripada jawatan yang disandangnya sekarang.

Katanya, seseorang itu berhak membuat keputusan sendiri tanpa dipaksa oleh mana-mana pihak.

"Kita tidak boleh paksa orang...seseorang itu be-

bas membuat keputusan sendiri," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara Diversified Resources Berhad (DRB) dan Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON) di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Dato' Sri

Rafidah Aziz yang meminta ahli UMNO jangan memaksa Ghafar Baba turun dari jawatannya.

Mengenai pertemuan beliau dengan Menteri Hal Ehwal Sabah, Tun Datu Mustapha Datu Harun, Perdana Menteri berkata, mereka cuma membincangkan soal perlantikannya sebagai menteri dan keperluan perlantikan itu.